

Pelan K-ekonomi

Oleh Zainab Mohd Yatim

BH 4 OCT 2000

PELAN induk K-ekonomi yang sedang dirangka Institut Kajian Antarabangsa dan Strategik (Isis) dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2001, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy.

Menurutnya, pelan induk yang sedang dirangka itu antara lain akan menggariskan pelbagai strategi utama yang akan digunakan oleh kerajaan untuk mengalihkan ekonomi negara menjadi lebih berdaya saing dan maju.

Ia turut merangka stra-

Pelan induk yang sedang dirangka itu antara lain akan menggariskan pelbagai strategi utama yang akan digunakan oleh kerajaan untuk mengalihkan ekonomi negara menjadi lebih berdaya saing dan maju

tegi memastikan pembangunan yang cepat bagi industri berasaskan pengetahuan yang berdaya maju

serta menguntungkan disamping mempunyai nilai ditambah.

Menurut Chan, dalam

merangka pelan induk itu sumbangan seluruh segmen masyarakat diperlukan bagi memastikan pelan induk itu mencapai persefahaman nasional dari segi objektif dan strateginya.

"Semua masyarakat, tidak kira kecil atau besar, industri desa atau berteknologi tinggi, mesti melihat diri mereka sebagai sebahagian dari k-ekonomi dan terus menghadapi cabaran masa depan.

"Adalah penting kita memastikan tiada sesiapa diketepikan oleh pembaha-

siap Mac 2001

gian digital dan kebarangkalian wujudnya ketidakseimbangan," kata Chan ketika berucap merasmikan seminar Amalan Terbaik Dalam Sektor Perkilangan di Kuala Lumpur, semalam.

Mac lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan menyiapkan strategi kebangsaan ini sebagai pelan induk kepada perubahan ekonomi negara berasaskan pengeluaran (p-ekonomi) kepada k-ekonomi.

Dr Mahathir juga berkata, pelan induk itu bukan saja khusus untuk golongan elit, sebaliknya harus dimanfaatkan segenap lapisan masyarakat, termasuk generasi muda.

Pelan induk itu diletakkan di bawah kuasa Jawatankuasa Bertindak Kebangsaan manakala Isis pula diberi mandat oleh kerajaan untuk merangka draf pelan peralihan ekonomi negara itu.

Dalam ucapannya, Chan juga menyatakan bahawa sektor perkilangan Malay-

sia, walaupun tinggi dari segi orientasi eksport, masih lemah dari segi pemilikan kandungan pengetahuan.

Kandungan pengetahuan industri eksport negara lebih banyak dimiliki oleh orang asing, kata beliau.

"Ini diburukkan lagi oleh kelemahan integrasi sektor eksport yang menjadikan sektor perkilangan Malaysia mudah disingkirkan oleh pembangunan ekonomi luaran," katanya.

Beliau berkata, pemba-

ngunan perkilangan yang mapan, sangat bergantung kepada keupayaan teknologikal industri yang asli. Ketika ini, Malaysia masih ketinggalan di bidang penyelidikan dan pembangunan sektor sains dan teknologi.

Menurutnya, perbelanjaan yang disalurkan di bidang itu hanyalah 0.4 peratus dari jumlah Keluaran Negara Kasar (KNK) berbanding tiga peratus di Jepun dan Korea dan dua peratus oleh Singapura dan Taiwan.